

11 MAR 2001

Pemuda-PAS

PEMUDA UMNO DESAK KEPIMPINAN PARTI HENTI PUJUK PAS

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini mendesak kepimpinan parti supaya berhenti memujuk PAS bagi mengadakan pertemuan membincangkan isu perpaduan Melayu, jika PAS terus berdolak-dalik dan menimbulkan pelbagai isu untuk menggagalkan pertemuan itu.

Penolong Setiausaha Pemuda Umno Zulkifli Alwi berkata cadangan terbaru Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya hanya ada satu parti untuk Melayu jika Umno benar-benar ikhlas mahukan perpaduan, merupakan satu lagi helah PAS untuk mengelak daripada meneruskan pertemuan itu.

"Jelas PAS masih mempertikaikan dan tidak menyakini kesungguhan dan keikhlasan Umno dalam menganjurkan pertemuan itu, maka Umno seharusnya menghentikan usaha memujuk PAS, jika inilah sikap berterusan yang ditunjukkan oleh parti pembangkang itu," katanya ketika menghubungi Bernama di sini.

Semalam Nik Aziz dilaporkan membuat cadangan supaya satu lagi perkara dimasukkan dalam perbincangan perpaduan Melayu antara Umno dan PAS iaitu mengekalkan hanya sebuah parti bagi orang Melayu di negara ini.

Zulkifli berkata saranan terbaru Nik Aziz itu hanyalah satu sandiwara.

"Oleh itu, Pemuda Umno tidak mahu kepimpinan parti terlalu memujuk PAS sehingga Umno dilihat oleh rakyat begitu lemah dan amat memerlukan gandingan dengan PAS.

"Sudah cukup presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kepimpinan Umno berusaha bersungguh-sungguh dan membuktikan keikhlasan mereka ke arah perpaduan Melayu," katanya.

Zulkifli berkata kepimpinan Umno sudah mengambil sikap yang cukup terbuka dan bertanggungjawab semata-mata mahu memastikan bahawa kepentingan Melayu dipertahankan daripada ancaman pihak-pihak lain.

Sedangkan PAS pula hanya berminat untuk menjayakan agendanya semata-mata tanpa memikirkan perpaduan Melayu, katanya.

-- BERNAMA

RV RV RON